

Tujuh menteri, lapan timbalan baharu angkat sumpah jawatan

PM pengerusikan mesyuarat Kabinet pertama tanda tugas rasmi bermula

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama selepas majlis mengangkat sumpah menteri dan timbalan menteri yang baharu, menandakan permulaan rasmi tugas Kabinet Madani yang disusun semula.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata Kabinet MADANI memikul mandat rakyat dan mesti bertindak pantas, membuat keputusan berani serta menterjemahkan suara dan nurani semua lapisan masyarakat kepada dasar berkesan yang benar-benar dirasakan oleh rakyat.

Beliau berkata keutamaan Ka-

binet bukan sekadar merangka dasar, tetapi memastikan keputusan dilaksanakan dengan segera, berintegriti dan memberikan manfaat yang nyata kepada orang ramai.

“Setiap anggota Kabinet mesti bekerja dengan disiplin tinggi dan berkhidmat dengan penuh rendah hati, memastikan dasar dilaksanakan dengan lancar, sampai kepada rakyat tanpa belenghah dan tanpa alasan,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Terdahulu, tujuh menteri termasuk dua yang baharu dilantik mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara, di sini, semalam, susulan rombakan Kabinet Kerajaan MADANI.

Perdana Menteri turut hadir pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia itu, yang berlangsung di Singgahsana Kecil pada jam 10 pagi.

Pada masa sama, lapan tim-



Anwar mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.

(Foto Pejabat Perdana Menteri)

balan menteri yang baharu dilantik turut mengangkat sumpah jawatan.

Kelmarin, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan menteri baharu serta pertukaran beberapa portfolio, berikutan kekosongan dalam Kabinet Kerajaan MADANI dan keper-

luan semasa untuk membuat sedikit penyesuaian.

Istiadat itu bermula dengan lafaz ikrar sumpah jawatan dan taat setia serta majlis penandatanganan dokumen rasmi pelantikan yang disaksikan Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Menteri yang mengangkat sumpah ialah Datuk Seri Arthur

Joseph Kurup dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, bertukar daripada Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Istiadat diakhiri dengan sesi bergambar barisan menteri serta timbalan menteri yang baharu bersama Sultan Ibrahim sebelum meninggalkan Istana Negara pada jam 10.45 pagi. BERNAMA